

PERANAN POLITIK AKHBAR SUARA RAKYAT 1945–48
(THE POLITICAL ROLE OF THE SUARA RAKYAT
NEWSPAPER 1945–48)

ISHAK SAAT
Universiti Sains Malaysia
drhjishak@usm.my

Abstrak. Era selepas Perang Dunia Kedua memperlihatkan beberapa orang anak muda Perak telah bertekad untuk menerbitkan akhbar tempatan di Perak. Mereka ialah Ahmad Boestamam, Abdul Samad Ahmad, Muhammad Hanif, Zulkifli Ownie, Dahari Ali, Musa Ahmad dan Haji Ramli Said. Dengan berbekalkan semangat untuk membela bangsa Melayu, mereka telah bertindak nekad merampas dan mengambil alih pejabat percetakan akhbar *Perak Shimbun* pada bulan Ogos 1945. Dengan tindakan itu, terbitlah akhbar *Suara Rakyat* bagi golongan radikal Melayu Perak pada 8 September 1945 di Ipoh, Perak. Akhbar *Suara Rakyat* merupakan akhbar yang memupuk kesedaran berpolitik dalam kalangan masyarakat Melayu di Tanah Melayu. Dengan berfokuskan matlamat perjuangan Melayu Raya, akhbar ini berperanan penting dalam melahirkan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). Walaupun tempoh usia akhbar ini tidak lama tetapi impaknya berjaya menyedarkan bangsa Melayu melalui penubuhan cawangan PKMM di seluruh Tanah Melayu dan menggugat penjajah serta pendukung-pendukungnya.

Kata kunci dan frasa: politik akhbar, *Suara Rakyat*, Ahmad Boestamam, Melayu Raya, Parti Kebangsaan Melayu Malaya

Abstract. *The era following the Second World War saw a number of Perak youths publish a local newspaper. They were Ahmad Boestamam, Abdul Samad Ahmad, Muhammad Hanif, Zulkifli Ownie, Dahari Ali, Musa Ahmad and Haji Ramli Said. In the spirit of defending the Malay race, they took drastic action by seizing and taking over the printing office of the Perak Shimbun in August 1945. With the takeover, the Suara Rakyat newspaper was established for the radical Malay group in Perak on 8 September 1945, in Ipoh, Perak. The newspaper advocated political awareness among the Malay community in the Malay Peninsula with its focus on "Melayu Raya" and played an important role in setting up the Malay National Party (MNP). In spite of its short existence, it succeeded in raising the awareness of the Malays through the establishment of MNP branches throughout the Malay Peninsula and destabilized the colonial power as well as its supporters.*

Keywords and phrases: newspaper politics, *Suara Rakyat*, Ahmad Boestamam, Melayu Raya, Malay National Party

PENDAHULUAN

Pergerakan kesedaran baru dalam kalangan orang Melayu yang berkembang selaras dengan perkembangan akhbar bermula awal kurun ke-20. Melalui akhbar, masyarakat Melayu mendapat maklumat penting tentang perkembangan di Tanah Melayu dan di negara luar. Antara akhbar dan majalah yang telah menyumbangkan peranan dalam menimbulkan kesedaran sosial dan politik masyarakat Melayu pada awal kurun ke-20 ialah *Al-Imam* (1906–1908), *Saudara* (1928–1941), *Pengasuh* (1918–1938), *Majlis* (1930–1940) dan *Warta Malaya* (1930–1941). Penyebaran maklumat dari luar negara, seperti kisah kebangkitan nasionalisme di India, China dan negara Asia Tenggara, seperti Indonesia dan Filipina telah memberikan impak kesedaran tentang pentingnya perjuangan menuntut kemerdekaan. Tuntutan persamaan hak oleh kaum pendatang di Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua menyemarakkan lagi kesedaran dalam kalangan orang Melayu untuk memperjuangkan hak mereka sebagai bumiputera negara ini.¹ Lantaran itu, beberapa orang tokoh politik Melayu telah memilih untuk menceburkan diri dalam bidang penulisan dalam akhbar tempatan yang sedang berkembang pesat. Pada waktu itu, inilah cara yang terbaik untuk menyalurkan pandangan bagi menyedarkan orang Melayu yang sekian lama terleka.

Di Perak, muncul akhbar *Warta Perak* pada tahun 1937 dan *Warta Kinta* sekitar tahun 1938. Pada zaman pemerintahan Jepun terbit pula akhbar *Berita Perak* yang berpusat di Ipoh. Namun demikian, wujud perbezaan yang amat jelas antara *Warta Kinta* dengan *Berita Perak*. *Warta Kinta* memuatkan kisah kemunduran orang Melayu yang perlu dibela tetapi *Berita Perak* sama seperti majalah *Fajar Asia*, lebih merupakan akhbar propaganda Jepun.² Sebagai bukti lihat sahaja titah DYMM Sultan Selangor yang disiarkan dalam *Fajar Asia* pada 24 Februari 1943.

Tuan, penuh dengan kesukaan dan keriangian hati kami menyambut kedatangan majalah 'FAJAR ASIA' yang permai ini. Berharaplah kami mudah-mudahan Fajar Asia ini menjadi cermin atau panduan bagi bangsa Melayu di atas jalan kemajuan, dunia dan akhirat. Begitu jua, kami berharap dengan wasilah majalah ini menambahkan faham dan rajin serta ta'at orang kita Melayu bekerja di bawah kerajaan Nippon.³

Jelaslah bahawa *Berita Perak* dan *Fajar Asia* telah menjadi alat pemerintah Jepun semata-mata. Lantaran itu, kekalahan Jepun dalam Perang Dunia Kedua telah memberi kesempatan kepada beberapa orang anak muda Melayu di Perak mengubah keadaan. Antara mereka termasuklah Ahmad Boestamam, Abdul Samad Ahmad, Shamsuddin Salleh, Abdul Rahman Rahim, Abdul Majid Salleh dan Dahari Ali. Melalui akhbar, mereka mula meluahkan pendapat dan idea agar

para pembaca dapat berfikir untuk membela bangsa Melayu. Mereka ini nantinya menjadi tokoh politik Melayu yang berjaya menggugat pihak British. Liputan akhbar tempatan ini telah menyedarkan orang Melayu tentang pentingnya mereka bersatu dan bangkit untuk membela nasib sendiri. Mereka yang diketuai oleh Ahmad Boestamam, telah bertindak nekad merampas dan mengambil alih pejabat percetakan *Perak Shimbun* di Ipoh pada bulan Ogos 1945.⁴ Dengan menggunakan segala kemudahan yang ada di situ, mereka menerbitkan akhbar *Suara Rakyat* pada bulan Ogos 1945.⁵

AKHBAR SUARA RAKYAT

Melalui akhbar *Suara Rakyat*, segala perasaan tidak puas hati telah diluahkan tanpa rasa takut. Ahmad Boestamam umpamanya, telah mengutarakan pelbagai idea dan pendapat tentang kemunduran dan perlunya bangsa Melayu bangkit untuk membela nasib sendiri. Bidang kewartawanan telah mematangkan perjuangan politik beliau. Idea dan pemikiran beliau amat bernas dan dapat menyentuh hati para pembaca, khususnya masyarakat Melayu pada waktu itu. Ketegasan Ahmad Boestamam mengkritik pihak penjajah dapat dilihat dalam tulisannya seperti berikut:

Kami membidas, kami membidas tanpa kulit. Kalau kami mengkritik kami mengkritik sehebat-hebatnya. Kata-kata 'kejam', 'tidak demokratik' dan seumpamanya menjadi permainan kami hari-hari.⁶

Ketajaman idea yang menyinggung pihak British telah membuatkan beliau sentiasa diawasi oleh pihak berkuasa, malah beliau telah dipanggil mengadap pegawai British pada tahun 1945. Prinsip kebebasan akhbar telah menyelamatkan beliau daripada dikenakan tindakan. Namun begitu, nama beliau telah tersenarai dalam kategori mereka yang boleh membahayakan pihak British.⁷ Akhbar *Suara Rakyat* dipergunakan sebaik-baiknya untuk menyedarkan orang Melayu tentang kepentingan berpemerintahan sendiri. Mereka mengkritik tindakan British yang difikirkan kejam dan tidak demokratik. Peristiwa Penembakan di Teluk Anson, Perak merupakan tragedi yang tidak boleh diterima oleh bangsa Melayu.⁸ Demonstrasi ini hanyalah sebuah demonstrasi aman yang bertujuan untuk menyatakan perasaan tidak puas hati terhadap pentadbiran British. Namun begitu, British menembak rakyat untuk meleraikan demonstrasi dan menyekat agar demonstrasi tersebut tidak merebak. Penunjuk perasaan tidak berpuas hati kerana pemerintahan British tidak adil dan nasib bangsa Melayu masih tidak berubah jika dibandingkan dengan kaum imigran. Kelantangan akhbar *Suara Rakyat* menimbulkan rasa kurang senang pihak British tetapi tiada tindakan serius diambil selain arahan memohon maaf secara terbuka dan menyiarkannya di

dalam akhbar tersebut. Tindakan seumpama ini tidak memberi kesan kepada pendukung-pendukung akhbar itu.

Perkembangan akhbar *Suara Rakyat* amat menggalakkan dan mendapat sambutan yang baik di negeri Perak. Jumlah keluaran dan jualannya meningkat dari semasa ke semasa. Perkembangan ini telah mendorong Ahmad Boestamam dan rakan-rakan menerbitkan akhbar berbahasa Inggeris demi menarik minat kaum asing dan golongan elit Melayu berpendidikan Inggeris untuk membacanya. Penerbitan sedemikian merupakan idea Mokhtarudin Lasso, seorang pejuang Parti Komunis Indonesia. Hasilnya, akhbar *Voice of the People* telah diterbitkan pada bulan Oktober 1945,⁹ dikendalikan oleh Haji Abdul Latif bin Haji Abdul Majid dan Salleh Daud.¹⁰ Akhbar ini merupakan terjemahan akhbar *Suara Rakyat*. Isi dan kupasan *Voice of the People* dan *Suara Rakyat* adalah sama; pedas dan menyengat. Perkara ini dilakukan demi kesinambungan perjuangan golongan elit berpelajaran Inggeris dalam masyarakat Melayu. Lantaran itu, British membuat tuduhan bahawa akhbar-akhbar ini mendapat tajaan daripada pihak Parti Komunis Malaya sebanyak \$300,000. Perkara ini terkandung dalam laporan *Malayan Security Service* (MSS) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1. Bilangan ahli Parti Komunis Malaya (PKM) dan sumbangan kewangan PKM

Total full members of the MCP (spread all over the country)	11,800 members
Amount of money (in cash) possessed at 1 February, 1947	\$20,000
Amount of money invested in various newspaper and trading concerns	\$300,000
Subscriptions (irregular) not less than	\$100,000

Nota: MCP – Malayan Communist Party

Sumber: MSS. Ind. Ocn. s. 254¹¹

Walaupun kebebasan akhbar diamalkan oleh British, namun mereka tetap mengawasi kandungan akhbar tersebut agar tidak terlalu terpengaruh dengan fahaman komunis. Pergerakan mereka yang menerajui akhbar tersebut juga sentiasa diawasi.

Gesaan supaya orang Melayu melipatgandakan usaha untuk memperbaiki keadaan sosioekonomi dan rasa kekitaan sesama sendiri agar kedudukan politik bangsa Melayu diutamakan, semakin kuat kedengaran. Idea dan pemikiran yang diutarakan melalui akhbar ini telah membuka mata masyarakat Melayu umumnya. Masyarakat Melayu diseru bersatu dan bangkit menentang penjajah. Kenyataan ini pernah tersiar dalam akhbar *Voice of the People* keluaran 16 November 1945, yang antara lain berbunyi:

Let us forget our ancestors or from where they come. That is immaterial. What concern us now, at the present moment, is to be together and fight together for our existence as one whole solid body – the Malay Nation!¹²

Usaha mengajak orang Melayu bersatu bangkit menentang penjajah demi kemerdekaan Tanah Melayu merupakan salah satu matlamat akhbar ini. Melalui akhbar ini juga disiarkan rencana berkaitan dengan kepentingan sebuah perjuangan yang berbentuk demokrasi. Orang Melayu dididik supaya memahami erti demokrasi.

Mesej yang diutarakan oleh *Suara Rakyat* dan *Voice of the People* pada awalnya adalah bertujuan untuk mengkritik penjajah Jepun dan menyeru rakyat umum agar berusaha memerdekakan Tanah Melayu. Situasi ini dilakukan kerana sudah kedengaran pihak Berikat ingin memberikan kemerdekaan kepada negara jajahan mereka. Lantaran itu, rakyat Tanah Melayu tidak boleh berpeluk tubuh, malah harus berusaha dan mendesak penjajah British memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu. Rencana Pengarang dalam *Suara Rakyat* telah menyeru seluruh rakyat agar bersatu dan berusaha mendapatkan pemerintahan sendiri daripada penjajah British. Akhbar tersebut menegaskan:

Banyak berita-berita luar negeri yang didengar daripada radio bahawa negeri-negeri yang terkemuka seperti Amerika Syarikat dan lain-lain negeri sedang sebak bekerja menyelesaikan soal-soal Tanah Jajahan yang mesti diberi memerintah sendiri yang termasuk juga Tanah Melayu ini.¹³

Suara Rakyat berjaya meyakinkan rakyat umum bahawa perjuangan kemerdekaan harus mendapat sokongan padu seluruh rakyat Tanah Melayu, tanpa mengira latar belakang keturunan. Jelas akhbar tersebut:

Tetapi kita percaya dengan sebenarnya bahawa pada satu hari nanti pemerintahan British yang juga sebagai pahlawan demokratik dalam dunia ini tentu akan sama-sama dengan Amerika Syarikat dan lain-lain negeri untuk membincangkan kemerdekaan Tanah-tanah Jajahan yang termasuk juga Malaya.¹⁴

Dalam keluaran seterusnya, *Suara Rakyat* menyarankan kepada penjajah British agar Malaya diberikan kemerdekaan dengan segera bersama dengan Indonesia. Akhbar ini turut menegaskan bahawa kemerdekaan hendaklah diberikan kepada Tanah Melayu berasaskan negara demokrasi, iaitu meletakkan kepentingan rakyat bagi menentukan kemerdekaan Tanah Melayu.¹⁵ Dalam rencana pengarang, Ahmad Boestamam telah meminta penjajah British supaya memberikan pilihan

kepada rakyat Malaya untuk menentukan kerajaan sendiri. Beliau menyatakan "Maka cara memerintah negeri atau membuat undang-undang menurut akan Suara Rakyat itulah yang dinamakan pemerintahan demokrasi."¹⁶ Bagi menjayakan saranan ini Ahmad Boestamam mencadangkan kepada penjajah British seperti berikut:

Memadailah diberi kuasa kepada tiap-tiap sekumpulan daripada rakyat yang mengandungi 500 orang untuk menyampaikan kehendak-kehendaknya dalam dewan rakyat atau dewan orang ramai di mana kelak akan diputuskan apa-apa undang-undang yang hendak dibuat atau dibentuk.¹⁷

Jelas beliau lagi, demokrasi ialah hak orang ramai termasuklah bangsa Melayu. Menurutnyalah lagi, demokrasi menjadi dasar kepada ajaran Islam dan merupakan amalan orang Melayu semenjak dahulu, iaitu sebelum kedatangan British. Seharusnya sistem demokrasi ini dikembalikan dan diamalkan di Tanah Melayu. Beliau menegaskan, "Kita minta supaya demokrasi dipakai di Malaya".¹⁸

Lantaran itu, timbullah kesedaran peri perlunya diwujudkan sebuah parti politik Melayu yang benar-benar dapat memasuki gelanggang politik di Tanah Melayu. Perkara ini dilakukan demi membela nasib bangsa Melayu. Ahmad Boestamam dan rakan-rakannya telah merancang penubuhan sebuah parti politik khusus untuk orang Melayu. Sehubungan itu, Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) telah direalisasikan pada 17 Oktober 1945. Akhbar *Suara Rakyat* dan *Voice of the People* telah mengambil peranan mempromosi dan menyebarkan berita cadangan penubuhan parti Melayu pada setiap keluarannya. Sesungguhnya, promosi melalui akhbar telah membuka mata masyarakat Melayu, tentang pentingnya penubuhan sebuah parti politik Melayu kerana waktu itu telah wujud pertubuhan berbaur politik bagi kaum Cina dan India yang bertujuan untuk membela bangsa mereka di Tanah Melayu. Propaganda yang telah dimainkan oleh *Suara Rakyat* telah mendapat sambutan masyarakat Melayu di seluruh negara.¹⁹ Mereka turut mengalu-alukan usaha menubuhkan parti politik Melayu, dan bersedia menganggotainya serta menubuhkan cawangan di seluruh Tanah Melayu.²⁰ Anak-anak muda Perak telah memulakan langkah tersebut. Akhbar *Suara Rakyat* dan *Voice of the People* telah dijadikan akhbar rasmi PKMM.²¹

Pada waktu yang sama telah lahir sebuah lagi akhbar radikal, iaitu akhbar *Kenchana* yang berpusat di Singapura, diterbitkan pada tahun 1945.²² Akhbar ini turut mengutarakan idea dan pemikiran yang memberangsangkan. Melalui akhbar ini, idea bersemangat turut dimuatkan untuk menyedarkan bangsa Melayu. Menurut Abdul Majid Salleh, penulis tetap akhbar *Kenchana* dari tahun 1945 hingga 1947, beliau berhijrah dari Perak ke Johor bagi meneruskan perjuangan dan mengembangkan PKMM. Pada masa yang sama, beliau turut terlibat secara

aktif dalam pergerakan buruh. Akhbar ini bersuara lantang, mengkritik pemerintahan British di samping menegur sikap orang Melayu yang malas dan tidak mahu berusaha untuk memajukan diri.²³ Abdul Majid Salleh turut menjelaskan bahawa perkembangan akhbar ini telah memberikan kesempatan yang cukup baik kepada golongan kiri Melayu untuk menyampaikan idea, bidasan dan kritikan terhadap penjajah British. Kebiasaannya, isu politik di dalam dan di luar negara menjadi topik perbincangan utama untuk mengkritik dasar British. Selain topik politik, topik kepahlawanan Melayu turut diperkatakan, bertujuan untuk membangkitkan semangat orang Melayu, dan menegaskan bahawa orang Melayu tidak lemah.²⁴ Pandangan beliau berkaitan isu-isu rakyat dengan tegas dinyatakan melalui tulisan seperti berikut: Itulah modal yang diungkit dan diapi-apikan pada tiap-tiap kali berucap atau menulis, supaya orang Melayu sanggup dan berani bangun menentang penjajah Inggeris.²⁵

PARTI KEBANGSAAN MELAYU MALAYA (PKMM)

Kegagalan usaha awal golongan radikal Melayu di Perak untuk mencapai kemerdekaan bersama dengan Indonesia pada tahun 1945 telah mendorong para pejuang tersebut merancang gerakan dan strategi selanjutnya. Mereka menubuhkan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) yang dipimpin oleh Mokhtarudin Lasso,²⁶ Dr. Burhanuddin Al-Helmy, Ishak Haji Muhammad dan Ahmad Boestamam. Parti politik ini ditubuhkan di Ipoh, Perak pada 17 Oktober 1945. Mereka ini merupakan pelopor gerakan politik kepartian di Tanah Melayu dan menjadikan negeri Perak markas utama gerakan itu. Negeri Perak menjadi tempat perancangan penubuhan dan operasi gerak kerja mereka. Dalam kongres pertama yang berlangsung di Ipoh pada 30 November hingga 3 Disember 1945, PKMM telah memutuskan lapan resolusi penting bangsa Melayu, iaitu:

1. Mempersatukan bangsa Malaya, menanamkan semangat kebangsaan di kalangan orang Melayu dan bertujuan untuk menyatukan Malaya dalam keluarga besar iaitu Republik Indonesia Raya.
2. Bertujuan mencapai hak kemerdekaan berpidato, bergerak, bersidang, berfikir dan menuntut pelajaran.
3. Membangkitkan kedudukan iktisad bangsa Melayu dengan jelas, memajukan perusahaan, perniagaan dan pertanian serta taraf penghidupan bangsa Melayu.
4. Mencapai kebebasan bercucuk tanam. Orang yang hendak bercucuk tanam itu bebas membayar sewa tanah pada bila-bila masa dan di mana juga dan dibebaskan pula menjual hasil usahanya itu di pasar perniagaan.

5. Menghendaki diberi kebebasan penuh kepada orang Melayu mendirikan sekolah kebangsaan mereka, iaitu tempat mereka dapat belajar dengan bahasanya dengan percuma.
6. Menghendakkan kebebasan mencetak buku sendiri, menggalakkan pelajaran secara demokrasi, supaya meninggikan kedudukan bangsa Melayu dalam siasah untuk mendakyahkan rasa kebangsaan kepada orang Melayu.
7. PKMM hendak bekerjasama dengan bangsa-bangsa lain yang tinggal dalam negeri ini, hidup berbaik-baik dan bekerja untuk perpaduan penduduk Malaya (*Malayan United Front*) bagi menjadikan Malaya Merdeka makmur dan berbahagia sebagai satu anggota Republik Indonesia.
8. Menyokong umat Indonesia dalam perjuangan mereka merebut kemerdekaan.²⁷

PKMM menggariskan sebuah perjuangan untuk menuntut kemerdekaan sepenuhnya dan berusaha mengusir penjajah British dari Tanah Melayu. Matlamat ini termaktub di dalam Rang Undang-undang 1946 PKMM yang diluluskan pada kongres pertama di Ipoh pada 30 November hingga 3 Disember 1945. Dalam Rang Undang-undang itu juga tercatat dengan jelas TUJUAN: Kemerdekaan Bangsa dan Tanah Air.²⁸ Setiap kali bertemu dengan para pendukung PKMM, laungan merdeka dilafazkan dengan garang sambil menggenggam lima jari dengan kuat dan diangkat hingga ke dada.²⁹ Laungan merdeka sambil menggenggam lima jari membawa pengertian berikut:

1. Merdeka berpolitik. Apabila kita merdeka maka apa yang kita mahu ialah politik negara kita bebas mengikut acuan yang kita suka.
2. Merdeka ekonomi. Kita mahu ekonomi negara kita merdeka dari tekanan pihak luar negeri atau penjajah kapitalis.
3. Merdeka beragama. Kita mahu negara kita bebas melaksanakan hukum dan undang-undang Islam sepenuhnya tanpa dikongkong oleh penjajah.
4. Merdeka sosial. Pergaulan hidup tidak terbatas kepada satu-satu kaum sahaja atau kasta yang sangat berbahaya itu.
5. Merdeka kebudayaan. Tiap-tiap bangsa di dalam dunia ini ada kebudayaan masing-masing. Kita mahu bebas memilih kebudayaan yang

berfaedah dan tidak bertentangan dengan agama serta bebas pula membuang kebudayaan yang menyesatkan orang Islam.³⁰

Berbekalkan slogan merdeka dan tafsirannya, ahli-ahli PKMM tekad berjuang dan berusaha untuk menyedarkan serta menyatukan bangsa Melayu agar turut serta dalam perjuangan politik mereka. Melalui akhbar, setiap orang diberi hak untuk bersuara. Di dalam rencana yang disiarkan dalam *Voice of the People* berjudul, *Malays and the Malay Nationalist Party*, termuat kenyataan berikut:

The Malay Nationalist Party is a National Movement and so every Malay has the right to come forward and with his views and findings for the upliftment of his Nation. This right is also granted by his religion to tell the highest Authority in the State when things are done contrary to the teachings of his religion. The humble Raayat has the right to go to the Ruler, his Sultan, and tell him what is wrong with his Government. This is Democracy. There is that perfect understanding and that perfect unison between the Imam and the Ma'mum! That should be the case of the Malay Sultan and the Raayats. Just as the Imam respects the Ma'mum so the Ma'mum respects the Imam.³¹

Rencana seterusnya dalam akhbar tersebut bertajuk "*Suara Ra'ayat*" and "*Voice of the People*", pula menyarankan orang Melayu sama-sama bangkit menentang penjajah. Saranan itu berbunyi:

Malays should realize this instantly and rally round [sic] any National Movement calculated to advance Malay Cause! They must not remain indifferent any longer. They should jump to it and support it unhesitatingly.³²

Rencana-rencana yang disiarkan melalui akhbar *Voice of the People* ini mengandungi unsur pengajaran yang mengingatkan agar orang Melayu sedar bahawa mereka mempunyai hak dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan demi mendaulatkan bangsa Melayu. Kesedaran yang ditimbulkan oleh akhbar tersebut telah memberikan semangat baru kepada anak-anak muda Perak khususnya dan masyarakat Melayu di Tanah Melayu amnya.

Pergerakan politik Melayu haluan kiri, sama ada di Perak ataupun di Tanah Melayu umumnya bergerak ke arah menjayakan gagasan *Melayu Raya*. Pemimpin seperti Dr. Burhanuddin Al-Helmy dan Ahmad Boestamam, amat berkeyakinan dengan perjuangan yang berkonsepkan Melayu Raya yang bermatlamat membina sebuah kesatuan bangsa Melayu serantau yang kuat seperti sebelum zaman penjajahan. Mereka ingin melihat Nusantara dikuasai semula

oleh Pertuanan Melayu yang agung yang menggabungkan seluruh negara Melayu merangkumi Semenanjung Tanah Melayu, Kepulauan Indonesia, Patani, Borneo Utara, Sarawak, Singapura dan Brunei dalam sebuah kesatuan sesuai dengan kedudukan orang Melayu sebagai peribumi asal Nusantara.³³

Sesetengah pihak dalam kalangan orang Melayu, termasuk Dato' Onn Jaafar tidak bersetuju dengan gagasan tersebut kerana menganggapnya terlalu idealistik dan tidak mungkin dapat direalisasikan. Dato' Onn Jaafar ketika memimpin UMNO berpendapat, perjuangan berkonsepkan Melayu Raya merupakan satu harapan yang terlalu idealistik. Menurutnya, masalah yang lebih mendesak yang dihadapi orang Melayu di Tanah Melayu, seperti kemunduran perlu diselesaikan terlebih dahulu sebelum memberi perhatian kepada perjuangan Melayu Raya. Katanya:

Pada suatu hari kelak umat Melayu akan bersatu di bawah satu kerjasama... kita hendaklah menjalankan langkah-langkah cermat. Langkah pertama ialah menyatukan umat Melayu dalam semenanjung ini.³⁴

Namun begitu, para pemimpin pergerakan politik berhaluan kiri sentiasa memperkatakan konsep Melayu Raya dan menjadikan Indonesia sebagai kiblat perjuangan. Ideologi politik golongan kiri ini turut diakui oleh pihak British yang menyatakan, *their Pan-Indonesian sympathies have been very evident and since its break with UMNO.*³⁵ Tentang hal ini, Rustam A. Sani menjelaskan:

Basically, the term 'Pan-Indonesianism' is used here to denote a nationalist ideology or sentiment based on the idea of a grand Malay (or Indonesian) nation perceived by its believers in its cultural or ethnic term and territorially covering the entire Malay Archipelago.³⁶

Oleh hal yang demikian, kepimpinan politik Melayu berhaluan kiri dalam PKMM, Angkatan Pemuda Insaf (API) dan Angkatan Wanita Sedar (AWAS), bermatlamat untuk mencapai kemerdekaan penuh dan bersatu dalam Indonesia Raya.

Walaupun pada awal penubuhan PKMM terdapat pihak yang cuba menyelewengkan perjuangan bangsa Melayu dengan menyerapkan fahaman komunisme, namun dengan cekap dan pantas tokoh politik Melayu yang berjiwa kebangsaan dan Islam berjaya membersihkan PKMM daripada aliran komunisme. Antara aktivis komunis yang terlibat dalam usaha mengkomunikasikan PKMM termasuklah Mokhtarudin Lasso, Arshad Ashaari, Abdullah CD, Rashid Maidin dan Musa Ahmad. Namun begitu, ideologi komunisme sukar mendapat tempat dalam kalangan masyarakat Melayu yang umumnya beragama Islam.³⁷

Kehadiran tokoh seperti Dr. Burhanuddin Al-Helmy, Ahmad Boestamam, Ishak Haji Muhammad, Ustaz Abu Bakar Al-Baqir dan Baharuddin Latif menyukarkan usaha pihak komunis. Dakwaan ini dapat dibuktikan melalui usaha mereka untuk menamakan parti politik Melayu yang pertama ini dengan nama Parti Sosialis Melayu. Rancangan ini digagalkan oleh Ahmad Boestamam dan rakan-rakannya dengan mencadangkan nama Parti Kebangsaan Melayu Malaya.³⁸ Kemudian, mereka tidak lagi menzahirkan secara nyata ideologi komunisme tetapi menyelip masuk ke dalam perjuangan PKMM sehinggalah dilaksanakan pengenalan Akta Darurat 1948 dan penangkapan beramai-ramai tokoh kepimpinan PKMM. Ekoran pelaksanaan akta tersebut, mereka akhirnya menzahirkan perjuangan berasaskan komunisme melalui Rejimen ke-10 PKM setelah perjuangan berlandaskan undang-undang tidak lagi diizinkan.

Apabila ibu pejabat PKMM berpindah dari Ipoh ke Kuala Lumpur pada tahun 1947 kerana Kuala Lumpur merupakan pusat pemerintahan British, kepimpinan PKMM telah menggantikan peranan *Suara Rakyat* yang diterbitkan di Ipoh, dengan *Pelita Malaya* dan *Suluh Malaya* yang juga meniupkan semangat anti-British. Abdul Majid Salleh menegaskan bahawa akhbar-akhbar ini memberi ruang yang cukup baik untuk golongan radikal menyampaikan kritikan terhadap penjajah. Tegasnya:

Yang lainnya menulis di *Pelita Malaya* dan *Suluh Malaya*, serupa sahaja isinya cuma tajuk dan gaya bahasanya mungkin agak berlainan sedikit, tetapi isinya menghentam British ataupun memberi keinsafan kepada rakyat.³⁹

Melalui akhbar-akhbar rasmi PKMM yang baru ini juga, tuntutan kemerdekaan sepenuhnya telah disuarakan dengan lantang. Akhbar-akhbar rasmi PKMM ini berjaya menarik minat pelbagai lapisan masyarakat untuk turut berjuang dalam PKMM. Menurut Ahmad Boestamam:

Dengan pertolongan "*Suara Rakyat*", "*Pelita Malaya*" dan "*Suluh Malaya*", PKMM semakin mendapat sambutan yang hebat di kalangan rakyat jelata. Guru, buruh, tani dan pelajar juga masuk menjadi anggota-anggotanya di segenap pelosok tanah air.⁴⁰

Peranan akhbar-akhbar ini tetap sama. *Suluh Malaya* dalam keluaran 11 Mei 1946 cuba memaparkan makna hak dan kedaulatan yang sedang bersemarak di seluruh negara yang dijajah selepas perang. Dalam akhbar tersebut dijelaskan:

Tetapi di zaman yang akhir ini, atau lebih tegas dalam dunia demokrasi sekarang ini, perkataan "daulat" dan "kedaulatan" itu nampaknya bukan lagi semata-mata hak yang dipusakai oleh

raja-raja dan sultan-sultan negeri sahaja, kerana rakyat jelata telah terang-terang mengatakan mereka juga ada mempunyai daulat dan daulat rakyat itu tidak boleh dinafikan begitu sahaja kerana dengan perkataan yang berterus terang daripada rakyat jelata itu, raja-raja dan sultan-sultan kita yang lama ini merasakan perkataan itu hak pusaka dan pakaiannya sendiri telah menimbulkan rasa kebimbangan dan cemburu kepada rakyat jelata. Jikalau rakyat raja ada mempunyai hak kedaulatan pula tentulah kedaulatan raja-raja dan sultan-sultan hapus. Demikianlah pandangan sultan-sultan kita dalam perkara ini dan keluarlah tuduhan yang bukan-bukan kepada rakyat jelata, mereka hendak membuang raja dan sultan, mereka orang derhaka kepada raja dan sultan hingga rakyat jelata yang mudah terpengaruh dan kurang faham banyak pula menimbulkan keraguan dan ketakutan yang bukan-bukan.⁴¹

Penyataan ini menambah lagi bahawa:

Zaman sekarang [sic] zaman berterus terang, demikianlah dasar yang dituntut oleh dunia demokrasi hari ini. Kedudukan rakyat jelata di dalam erti yang sebenarnya dalam dunia demokrasi atau tuntutan demokrasi ialah berdasarkan kedaulatan rakyat, ini sudah pasti tetap dan kehendak demokrasi. Jikalau tidak mahu memakai kedaulatan rakyat jelata — hancurkanlah demokrasi itu dahulu dan dengan sendirinya barangkali kedaulatan rakyat itu turut hancur. Tetapi dunia terus berputar, putaran yang benar dan tetap ialah putaran demokrasi, dunia seluruhnya menuntut dan mencipta dasar demokrasi jadi bukanlah rakyat jelata yang bersalah atau tulah, tetapi orang yang tidak sedar akan putaran zaman dan tidak suka menurut dasar demokrasi itulah orang yang bersalah dan patut menerima timbangan rakyat jelata.⁴²

Ketegasan akhbar *Suloh Malaya* dalam menyuarakan pandangan berkaitan dengan hak kedaulatan rakyat dan perjuangan membentuk sebuah negara demokrasi dijelaskan. Penjelasan ini bertujuan untuk memberikan kefahaman dan kesedaran kepada seluruh rakyat Malaya tentang hak dan kedaulatan rakyat pada zaman moden ini. Rakyat keseluruhannya juga diajak melakukan anjakan paradigma terhadap sistem bernegara yang ada di Tanah Melayu dengan melakukan perubahan menyeluruh dan tranformasi pemerintahan daripada raja kepada kuasa rakyat sebagaimana yang terdapat dalam sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi. Lantaran itu, secara jelas akhbar *Suloh Malaya* menyalahkan rakyat yang masih tidak faham dan tidak mahu memperjuangkan kedaulatan rakyat dan mewujudkan sebuah negara Malaya yang mengamalkan

sistem demokrasi, iaitu yang berpaksikan kuasa rakyat. Akhbar tersebut turut menegaskan bahawa hak dan kedaulatan rakyat tetap pasti dan terpelihara dalam sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi. Melalui pelaksanaan pemerintahan demokrasi beberapa prinsip penting diberikan penekanan, antaranya ialah menyekat manusia yang bersikap tamak dan haloba serta mambanteras gejala manusia yang mementingkan diri sendiri tanpa mengambil kira hak dan kebajikan rakyat jelata keseluruhannya. Penekanan itu ditujukan kepada penjajah British yang tamak terhadap kekayaan Malaya dan golongan yang bersekongkol dengannya, yang mementingkan diri sendiri dan menindas bangsa sendiri. Namun begitu, tegas akhbar itu lagi kegagalan mewujudkan secara menyeluruh sebuah negara yang mengamalkan prinsip-prinsip demokrasi berlaku kerana rakyat jelata sendiri mahu dan setia dengan perhambaan oleh penjajah British dan elit bangsawan Melayu. Mereka ini suka membesarkan perkara kecil dan menghebahkan perselisihan yang kecil dan memandang remeh peranan persatuan dan perpaduan bangsa sendiri.⁴³ Oleh hal yang demikian, keyakinan rakyat umum terhadap perjuangan yang diasaskan oleh rakyat mudah diragui dan perjuangan ini sukar mendapat sokongan padu daripada seluruh rakyat Malaya.

Lantaran itu Ishak Haji Muhammad menjelaskan bahawa PKMM ditubuhkan demi menyahut cabaran dan memenuhi tuntutan perjuangan membela bangsa Melayu yang ketinggalan dalam semua lapangan kehidupan. Penguasaan penjajah dan imigran asing, khususnya dalam bidang politik dan ekonomi di Tanah Melayu juga telah menyebabkan bangsa Melayu menjadi mundur serta ketinggalan. Beliau menegaskan lagi bahawa perjuangan PKMM selaras dengan salah satu matlamat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di bawah peruntukan, *The Charter of Human Rights* atau Piagam Hak-Hak Asasi Manusia tahun 1946. Piagam ini menjamin hak manusia yang dijajah untuk menuntut kemerdekaan, atau sekurang-kurangnya berkerajaan sendiri. Piagam itu juga menjelaskan hak kebebasan bagi semua manusia, tanpa mengira warna kulit dan agama, dan hak bersuara, berkumpul, menubuhkan parti politik dan menerbitkan surat khabar. Semua orang juga hendaklah bebas daripada kelaparan, bebas daripada tangkapan dan tahanan tanpa melalui proses undang-undang dan bebas jasmani serta rohani.⁴⁴ Berdasarkan semangat ini, PKMM ditubuhkan untuk membela bangsa Melayu agar setaraf dengan kaum lain di Tanah Melayu. Menurut Ishak:

Kami golongan nasionalis radikal dalam Tanah Melayu telah menubuhkan Parti Kebangsaan Melayu Malaya [PKMM] dengan tujuan menuntut kemerdekaan penuh atas tanah air Melayu dan bangsa Melayu.⁴⁵

Hasilnya PKMM telah disambut dengan penuh semangat oleh anak-anak muda Melayu yang berjiwa berani dan telah berjaya menggugat kedudukan kuasa penjajah British serta golongan aristokrat Melayu.

Menurut A. J. Stockwell, secara purata taburan statistik keanggotaan PKMM di seluruh Tanah Melayu adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.⁴⁶

Jadual 2. Keahlian Parti Kebangsaan Melayu Malaya, 1947

Negeri	Ahli cawangan			Kemajuan	Sumber	
	Biasa	API	AWAS			Daerah
Perak	11 000	2000	350	5	Baik	Ketua kampung
Selangor	3500	1050	400	4	Baik	CID
N. Sembilan	1700	800	120	3	Lemah	CID
Melaka	4000	900	70	2	Baik	–
Johor	1000	400	130	4	Baik	Dato Onn
Singapura	2500	600	140	1	Baik	CID
Pahang	6000	1000	100	3	Baik	–
Terengganu	5200	300	60	2	Baik	–
Kelantan	2300	700	80	6	Baik	Raja dan CID
Perlis	800	120		1	Lemah	Raja dan CID
Kedah	720	100		2	Lemah	Parti lain
P. Pinang	3000	600		1	Baik	–
S. Perai	1400	200	40	1	Baik	–
Jumlah	43 120	8770	1490	35		
Jumlah besar	53 380					

Nota: CID – *Crime Investigation Department*

Berdasarkan jadual di atas, taburan keahlian PKMM pada bulan Disember 1947 menunjukkan bahawa PKMM mendapat sokongan yang cukup baik dan menyeluruh di serata Tanah Melayu, khususnya di negeri Perak, Selangor, Melaka, Pahang, Terengganu, Pulau Pinang, Singapura dan Johor. Jumlah keseluruhan ahli PKMM ialah 53,380 orang, yakni jumlah yang cukup besar pada zaman tersebut. Negeri Perak mencatatkan keahlian yang tertinggi, iaitu 13,350 orang dan jumlah keseluruhan keahlian dari lima buah daerah yang sangat aktif.

Jelaslah bahawa akhbar *Suara Rakyat* mendapat sambutan yang cukup baik dan berjaya meyakinkan rakyat umum tentang perlunya mereka bersatu untuk

meneruskan perjuangan. Dakwaan ini boleh dibuktikan melalui respons daripada para pembaca dengan komen yang bernas. Antara pandangan positif pembaca berkaitan dengan berita-berita *Suara Rakyat* adalah seperti berikut:

Kita orang-orang Melayu telah hidup di dalam kegelapan sejak beberapa kurun yang lain. Kita tidak mempunyai peluang untuk mengangkat kepala untuk bersuara bagi menuntut kebebasan. Inilah peluang keemasan untuk kita bersatu untuk memperjuangkan tuntutan kita. Kita orang-orang muda haruslah bersatu [membena] suatu jalan untuk menuntut kebebasan dan persamaan hak. Dan sokonglah MNP yang dapat menolong membimbingkan menuju kearah itu. Sekarang kita mesti bersatu dan memaksa diri kita menyokong perjuangan MNP. MNP akan membawa kita untuk mendapatkan kebebasan orang-orang Melayu...Kita rasa adalah lebih baik mati daripada menolak kebebasan negara kita. Dengan itu saya berseru semua pemuda-pemuda dan tuan-tuan, berilah sumbangan yang sepekenhnya kepada MNP.⁴⁷

Abdul Majid Salleh dari Kampar menyatakan bahawa beliau tertarik dengan akhbar *Suara Rakyat* yang berusaha untuk memberikan kefahaman dan menanamkan semangat patriotisme dalam kalangan anak muda. Beliau menyeru anak-anak muda agar bersama-sama PKMM untuk meneruskan perjuangan rakyat. Beliau turut mengharapkan sokongan daripada raja-raja Melayu dengan saranan: "Kita boleh memaksa raja-raja dan pemerintah menyokong barisan kita dengan cara lembut dan tidak menyentuh sentimen mereka".⁴⁸ Demikianlah sokongan dan respons para pembaca terhadap usaha akhbar *Suara Rakyat* dan PKMM yang memperjuangkan nasib bangsa Melayu.

PKMM pernah menggugat kedudukan UMNO di bawah kepimpinan Dato. Onn Jaafar, malah perjuangan berterusan tokoh-tokoh radikal ini turut menggugat kedudukan UMNO di bawah kepimpinan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Kehadiran PKMM dalam persada politik Tanah Melayu tidak diresmi oleh pihak British. Lantaran itu perjalanan PKMM menghadapi laluan sukar. Ramai pemimpin PKMM terpaksa merengkok di dalam penjara di bawah peruntukan Akta Darurat 1948, kerana dituduh boleh mengancam keselamatan negara.⁴⁹ Namun begitu, UMNO memilih kaedah bekerjasama rapat dengan British pada waktu itu. Situasi ini tidak mematahkan semangat perjuangan golongan kiri. Walaupun para pemimpin mereka ditangkap dan dipenjarakan, malah ditohmah oleh bangsa sendiri, mereka melalui semua cabaran itu dengan hati yang tabah. Demikianlah ditegaskan oleh mereka yang masih hidup dan pernah dipenjarakan oleh British di bawah peruntukan Akta Darurat 1948.⁵⁰ Dalam suasana itulah

beberapa pemimpin PKMM dan Hizbul Muslimin seperti Asri Haji Muda, Othman Hamzah, Ishak Raji dan Khidir Khatib meneruskan perjuangan mereka.⁵¹

Dasar dan sistem yang diperkenalkan oleh British dalam bidang pendidikan dan ekonomi telah menyebabkan orang Melayu ketinggalan. Keadaan ini menjadi lebih parah apabila British mengamalkan taktik Pecah dan Perintah (*Divide and Rule*) yang menyebabkan bangsa Melayu semakin lemah.⁵² Sistem pentadbiran British ini ternyata melemahkan orang Melayu. Senario ini menimbulkan perasaan tidak puas hati dalam kalangan orang Melayu. Sistem ini harus ditentang dengan cara menuntut kemerdekaan penuh Tanah Melayu. Oleh sebab itu lahirlah parti-parti politik yang berani menghadapi penjajah British. Walaupun bangsa Melayu terbahagi kepada beberapa aliran politik dan latar belakang pendidikan yang berbeza-beza, namun begitu semangat perjuangan dan matlamat golongan radikal Melayu untuk mengusir penjajah tetap sama. Oleh sebab mereka meletakkan matlamat yang sama maka pergerakan, perancangan, kerjasama dan tindakan mereka sentiasa seiringan, hatta kadangkala mereka menubuhkan badan bertindak bersama untuk berhadapan dengan pihak British. Sebagai contoh, mereka bekerjasama menubuhkan atau memimpin KRIS, PKMM, API, AWAS, PUTERA, Hizbul Muslimin, PAS, PRM dan *Socialist Front*. Pertubuhan-pertubuhan ini saling membantu, umpamanya PKMM memberikan kerjasama yang erat dalam menubuhkan Hizbul Muslimin di Gunung Semanggol pada tahun 1948.⁵³ Sebelum itu PKMM turut terlibat dalam Persidangan Kongres Kebangsaan Melayu pada tahun 1946 untuk menubuhkan UMNO. Selepas dibebaskan daripada tahanan, tokoh-tokoh radikal Melayu ini terus bekerjasama untuk menuntut kemerdekaan. Ahmad Boestamam menubuhkan Parti Rakyat pada 11 November 1955. Kemudian, Dr. Burhanuddin dijemput oleh PAS bagi memantapkan kepimpinan PAS dalam perjuangan menuntut kemerdekaan Tanah Melayu. Tindakan ini memperlihatkan suatu bentuk persefahaman antara Ahmad Boestamam dengan Dr. Burhanuddin apabila Dr. Burhanuddin dijemput menerajui PAS pada tahun 1956.⁵⁴ Kerjasama turut dijalankan antara bangsa Melayu dengan bangsa imigran khususnya bangsa Cina, contohnya melalui kerjasama *Socialist Front (SF)* pada tahun 1957, demi mencapai matlamat yang sama. Sebelum itu kerjasama politik pelbagai kaum telah dirintis oleh Dr. Burhanuddin melalui PUTERA-AMCJA untuk menentang penjajah dengan mengutarakan *Perlembagaan Rakyat* yang diakui oleh banyak pihak sebagai sebuah cadangan perlembagaan yang terbaik waktu itu. Perlembagaan ini merupakan hasil perbincangan selama tiga hari antara Dr. Burhanuddin, Ishak Haji Muhammad, Tan Cheng Lock, J. A. Thivy, Ahmad Boestamam, Chan Loo dan Gerald de Cruz.⁵⁵ Cadangan perlembagaan itu merupakan cadangan yang diterima oleh semua bangsa. *Perlembagaan Rakyat* ini dicadangkan bagi menggantikan Malayan Union yang menimbulkan kontroversi hebat di Tanah Melayu pada tahun 1946. Namun begitu, cadangan ini ditolak oleh British.

Melalui akhbar-akhbar yang disebutkan sebelum ini, disebarkan propaganda mengenai penubuhan parti politik Melayu dan rancangan mogok yang akan diadakan. Liputan mengenai tindakan mogok disebarkan secara meluas dan sokongan padu dinyatakan melalui akhbar tempatan, misalnya pertubuhan buruh *Malayan Rubber Workers*, telah menyatakan pendirian tegas dan secara terbuka untuk melancarkan mogok di Johor, Pahang Barat, Negeri Sembilan, Perak dan Selangor pada 30 Ogos 1947. Kenyataan ini termuat dalam akhbar *The Malay Mail* bertarikh 28 Ogos 1947, seperti berikut:

Following recommendation, from Johore, West Pahang, Negeri Sembilan, Perak and Selangor State Rubber and Estate Workers Unions the managing committee of the All Malayan Rubber Workers Council has decided to stage a one-day strike on Monday 'in protest against, the adamant attitude of the U.P.A.M.' This Strike, it is understood, will only affect estate under the control of the U.P.A.M.⁵⁶

Perancangan pelancaran mogok hartal di seluruh Tanah Melayu pada 20 Oktober 1947 oleh PUTERA-AMCJA juga telah diuar-uarkan secara meluas. Perancangan tersebut mendapat sokongan daripada *Malayan Democratic Union*, *Malayan Indian Congress* dan *Pan Malayan Federation Trade Union*. Mogok ini dilakukan apabila *Perlembagaan Rakyat* ditolak oleh pihak British. Dakwaan ini tersiar dalam akhbar *Times of Malaya and Straits Echo* bertarikh 14 Oktober 1947 seperti berikut:

The executive Bureau of the Pan Malayan Federation of Trade Union yesterday issued a lengthy manifesto supporting the Malaya-wide hartal called by Putera at the All-Malayan Council of Joint Action on Oct-20 in protest against the Revised Constitutional Proposals.⁵⁷

Tindakan mogok perdagangan dan perniagaan di seluruh negara, telah dijalankan oleh gabungan PUTERA-AMCJA bagi membantah cadangan perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu oleh British dan parti UMNO.⁵⁸ Kempen dan propaganda dimuatkan dalam akhbar tempatan untuk menjayakan mogok hartal itu. Rancangan melancar hartal turut disokong oleh Col. H. S. Lee, Presiden *Selangor Chinese Chamber of Commerce* dan disiarkan dalam *Times of Malaya and Straits Echo*, bertarikh 18 Oktober 1947.⁵⁹

Sokongan juga diperoleh daripada A. A. Mohd. Abdullah, Pengerusi *Selangor Indian Chamber of Commerce*. Menurut akhbar *The Malay Mail* bertarikh 18 Oktober 1947, A. A. Mohd. Abdullah telah memberikan persetujuan bahawa pertubuhan mereka akan turut serta dalam tindakan hartal secara aman. Beliau

turut menyarankan supaya semua kedai ahli ditutup agar perkara yang tidak diinginkan tidak berlaku.⁶⁰ Peristiwa Hartal yang dilancarkan pada 20 Oktober 1947 telah berjaya seperti yang dirancang. Semua kedai di Kuala Lumpur ditutup dan ibu kota menjadi lengang pada hari tersebut.⁶¹ Inilah bukti kukuh kejayaan pendekatan penggunaan akhbar untuk menyemarakkan api pemogokan di seluruh Tanah Melayu. Namun begitu, dalam merealisasikan tindakan hartal ini, halangan dan peringatan daripada pihak berkuasa polis turut disiarkan dalam akhbar tempatan. Dalam akhbar *Times of Malaya and Straits Echo*, bertarikh 17 Oktober 1947, di bawah judul *Pre-Hartal Warnings by Police*, Ketua Polis Negeri Pulau Pinang dilaporkan berkata: *DON'T allow other people's opinions to be forced upon you. Carry on as usual or observe the 'hartal' as you wish, in either case the police will protect you.*⁶²

Namun begitu, perjuangan tetap diteruskan walaupun pemogok menerima amaran daripada pihak berkuasa dan hartal tersebut berjaya dilaksanakan secara aman tanpa sebarang kejadian yang tidak diinginkan. Kejayaan hartal secara aman ini tersiar dalam akhbar *Times of Malaya and Straits Echo*, keesokan harinya. Berita utama tercatat *No Incident Reported from All Hartal Fronts: Organizer Satisfied with Scale and Peaceful Disposition of Observers*. Kenyataan akhbar tersebut adalah seperti berikut:

The Malaya-wide hartal called by the Associated Chinese Chambers of Commerce and the All Malayan Council of Joint Action and Putera in protest against the latest constitutional proposals was observed yesterday in the Malayan Union and Singapore without any incidents.⁶³

Penyataan itu menambah bahawa:

Mr Lee Kong Chian, President of the Associated Chamber of Commerce and a notable hartal organiser, told our representative in Singapore today that he was satisfied with the scale of the hartal and the peaceful disposition of the hartal observers.⁶⁴

Inilah bukti kejayaan peranan akhbar dan majalah untuk menyatakan pendirian tegas mereka. Akhbar telah digunakan sebaik-baiknya untuk menyampaikan mesej terhadap ketidakadilan dasar dan pentadbiran British di Tanah Melayu.

KESIMPULAN

Perbincangan ini membuktikan bahawa media boleh berperanan aktif dan berkesan dalam menyebarkan maklumat penting, khususnya yang berkaitan dengan isu politik semasa. Dengan cara ini rakyat dapat diberikan maklumat yang betul, tepat dan jelas. Lantaran itu, penyelidik berpendapat akhbar *Suara Rakyat*, *Voice of the People*, *Suloh Malaya* dan *Pelita Malaya* yang menjadi lidah rasmi PKMM berjaya menyampaikan mesej utama mereka, iaitu perjuangan kemerdekaan Tanah Melayu. Melalui usaha memberikan maklumat, rakyat umum memahami isu politik, isu kebajikan rakyat, tuntutan demokrasi dan perjuangan kemerdekaan yang harus diperjuangkan oleh semua pihak. Akhbar-akhbar itu bukan sahaja berusaha menyedarkan rakyat umum, malah turut menyampaikan mesej kepada raja dan golongan bangsawan supaya bertindak demi kepentingan bangsa Melayu. Berlainan daripada akhbar lain yang terdapat di Tanah Melayu, *Suara Rakyat* berjaya membawa mesej perjuangan demokrasi yang berpaksikan hak rakyat dan mendapat sokongan pelbagai lapisan masyarakat di Tanah Melayu.

Lantaran itu, akhbar *Suara Rakyat* atau *Voice of the People* amat berpengaruh dari segi politik dan penyebarannya yang luas berjaya memberikan kesedaran dan mengajak rakyat bangkit dan turut serta dalam perjuangan kemerdekaan. Sebab itulah kita lihat mereka yang suatu masa dahulu bersama-sama dengan akhbar *Suara Rakyat* atau *Voice of the People* kemudiannya menjadi tokoh-tokoh politik Melayu yang dilabelkan radikal oleh penjajah British dan kemudiannya oleh mereka yang bersefahaman dengan penjajah. Walaupun usia akhbar seperti *Suara Rakyat*, *Voice of the People*, *Suloh Malaya*, *Pelita Malaya* dan *Semboyan Baru* hanya kira-kira empat tahun, namun begitu impaknya cukup besar. Kesannya berpanjangan sehingga zaman merdeka dan pascamerdeka.

PENGHARGAAN

Artikel ini ialah hasil Geran Jangka Pendek 304/PPJAUH/638155, Universiti Sains Malaysia 2008.

NOTA

1. Zulkifli Mahmud, *Warta Malaya: Penyambung Lidah Bangsa Melayu 1930–1941* (Bangi: Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1979), 33–34.
2. Ahmad Boestamam, *Lambaian dari Puncak: Memoir 1941–1945* (Kuala Lumpur: Penerbitan Mahakarya, 1983), 26.

3. Majalah *Fajar Asia*, keluaran 3, 24 Februari 1943, hlm. 90 dan mikrofilem no. 2791 di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
4. Ahmad Boestamam, *Memoir Ahmad Boestamam, Merdeka dengan Darah dan Api* (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004), 115.
5. Ahmad Boestamam, *Merintis Jalan Ke Puncak* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka 1972), 3–5 dan sila baca juga A. J. Stockwell, *British Policy and Malay Politics During the Malayan Union Experiment 1942–1948* (Kuala Lumpur: MBRAS, 1979), 44–45.
6. Ahmad Boestamam, *Merintis Jalan ke Puncak*, hlm. 6. Akhbar *Suara Rakyat* kemudiannya menjadi lidah rasmi PKMM. Akhbar ini diterbitkan melalui Percetakan Rakyat Trading yang beralamat di no. 29, Hale Street, Ipoh.
7. *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, Serial No. 10/1948 bertarikh 31 Mei 1948, *MSS. Ocn. 251*, 358–363.
8. Ahmad Boestamam, *Merintis Jalan Ke Puncak*, 12. Peristiwa Tembakan di Teluk Anson telah berlaku ekoran demonstrasi penduduk setempat yang dilakukan secara aman tetapi tidak disukai pihak berkuasa. Pihak British telah melepaskan tembakan dengan alasan para hadirin ingin melakukan rusuhan.
9. Terjemahan *Suara Rakyat* ke dalam bahasa Inggeris telah dicadangkan oleh Mokhtarudin Lasso kepada Ahmad Boestamam dan rakan-rakan pada bulan Oktober 1945. Idea ini akhirnya dipersetujui oleh mereka dan nama *Voice of the People* telah dicadangkan oleh Dahari Ali. Hasil kerja keras akhirnya akhbar ini dapat direalisasikan penerbitannya. *Voice of the People* merupakan surat khabar berbahasa Inggeris pertama yang dikendalikan oleh orang Melayu. Ahmad Boestamam, *Memoir Ahmad Boestamam*, 126–131. Lihat juga akhbar *Voice of the People*, 16 November 1945, hlm. 1.
10. Salleh Daud berasal dari Ipoh, Perak. Beliau mendapat pendidikan Inggeris di Sekolah Anderson, Ipoh. Beliau mempunyai pengalaman luas dalam perjuangan menuntut kemerdekaan dan pernah menjadi Setiausaha Peribadi kepada Dr. Burhanuddin sewaktu menghadiri Persidangan Afro-Asia di India. Pada zaman merdeka beliau pernah menjadi wartawan dalam akhbar *The New Strait Times* dan penulis pojok berjudul *Malay Spotlight*. Kerjaya politiknya yang paling cemerlang ialah menjadi Setiausaha Akhbar Perdana Menteri Malaysia, iaitu pada zaman Tun Abdul Razak. Untuk keterangan lanjut sila lihat Ahmad Boestamam, *Merintis Jalan ke Puncak*, 20–22 dan Abdul Majid Salleh, *Untukmu Anak Merdeka* (Ipoh: Penerbitan Abdul Majid Salleh, 1991), 4.
11. 'Conference held under Chairmanship of H. E. the Governor-General, at 10 a.m. on Thursday; 26 June 1947 in the Governor-General's Office: Singapore'. (Top Secret) *MSS. Ind. Ocn. s. 254*, 8–9.
12. *Voice of the People*, 16 November 1945, 4.
13. *Suara Rakyat*, 8 September 1945, 1.
14. Ibid.
15. *Suara Rakyat*, 26 September 1945, 1.
16. *Suara Rakyat*, 29 September 1945, 1.
17. Ibid.
18. Ibid.
19. Propaganda menurut ahli sosiologi, merupakan suatu cubaan untuk memajukan dan mempertingkatkan sikap dan emosi masyarakat. Istilah ini juga melibatkan soalan-soalan yang diperdebatkan supaya mereka yang membaca berita tersebut menerima dan menyebelahi golongan tersebut. Dari segi sosiologi juga, propaganda ialah istilah yang neutral, tanpa makna dari segi moral. Propaganda boleh digunakan dengan maksud supaya individu boleh bersimpati atau bagi maksud yang ditentanginya. Kalau dinilai dari segi sosiologi, propaganda bertujuan untuk menghasilkan gerak balas yang dikehendaki, bukan mengikut nilai moral

- sebab istilah ini digunakan. Joseph S. Roucek dan Roland L. Warren, *Sosiologi Suatu Pengenalan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986), 64–65.
20. Ahmad Boestamam, *Merintis Jalan Ke Puncak*, 30.
 21. *Voice of the People*, 16 November 1945, 18.
 22. Temu ramah dengan Abdul Majid Salleh di Chandan Desa, Ipoh, Perak pada 6 Ogos 2002. Akhbar *Kenchana* merupakan akhbar berbahasa Melayu yang diterbitkan oleh Cikgu Harun Aminurrashid. Lihat juga Abdul Majid Salleh, *Untukmu Anak Merdeka*, 42.
 23. Temu ramah dengan Abdul Majid Salleh di Chandan Desa, Ipoh, Perak pada 6 Ogos 2002.
 24. Abdul Majid Salleh, *Memoir Abdul Majid Salleh*, 66–68.
 25. *Ibid.*, 69.
 26. Mokhtarudin Lasso berasal dari Indonesia. Beliau merupakan seorang pejuang menentang penjajah yang berfahaman komunis. Semasa beliau memimpin PKMM beliau merupakan seorang pejuang Parti Komunis Indonesia. Beliau melarikan diri daripada ditangkap oleh pihak penjajah Belanda ke Tanah Melayu dan menetap di Bidor, Perak. Beliau merupakan orang yang bertanggungjawab mendapatkan pembiayaan untuk akhbar *Suara Rakyat* dan *Voice of the People*. Lihat Ramlah Adam, *Burhanuddin Al-Helmy: Suatu Kemelut Politik* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000), 31–33 dan sila baca juga Abdul Majid Salleh, *Untukmu Anak Merdeka*. Sila baca juga Ahmad Boestamam, *Merintis Jalan Ke Puncak*, 7–15.
 27. *UMNO/SG No. 96/1946 – Rang Undang-undang 1946, Parti Kebangsaan Melayu Malaya*.
 28. *Ibid.*
 29. Slogan merdeka telah diputuskan dalam kongres PKMM pertama yang berlangsung di Ipoh pada tahun 1946. Setiap ahli PKMM digalakkan melaungkan slogan merdeka apabila bertemu sesama sendiri. Abdul Majid Salleh, *Memoir Abdul Majid Salleh, dalam PKMM dan KESATUAN Buruh* (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004), 30.
 30. *Ibid.*, 30–31.
 31. *Voice of the People*, 16 November 1945, 17.
 32. *Ibid.*, 18.
 33. Ishak Saat, *Pendidikan Negara Bangsa Malaysia* (Shah Alam: KARISMA Publications, 2008), 87–88.
 34. *Utusan Melayu*, 4 April 1946, 1.
 35. CO 537/1582/136697 *Secret HQ Malaya Command, Weekly Intelligence Review No. 36. Malay Nationalist Party*, 4. dan CO537/1582/136697 *Secret HQ Malaya Command, Weekly Intelligence Review No. 39. Appendix D*.
 36. Rustam A. Sani, "The Origin of the Malay Left – An Analysis of the Social Roots", Tesis Master, South-East Asian Studies, University of Kent, Canterbury, hlm.73.
 37. Perkara-perkara yang menggugat kesucian Islam dan pegangan akidah waktu itu merupakan perkara yang terlalu sensitif dan mampu menjadi isu besar. Oleh sebab alam Melayu amat rapat dengan pegangan ajaran Islam maka perkara yang bertentangan dengan ajaran Islam akan ditentang habis-habisan. Kenyataan ini boleh dibuktikan melalui peristiwa perjuangan PKM yang ditolak oleh sebahagian besar orang Melayu dalam sejarah Tanah Melayu. Sila rujuk Mohd. Isa Othman, *Sejarah Malaysia (1800–1963)* (Kuala Lumpur: Utusan Publications, 2002), 309–310 dan rujuk juga Burhanuddin Al-Helmy, *Teks Ucapan Dasar*, Mesyuarat Agong Tahunan ke-5, Pejabat PAS Pusat, Kuala Lumpur, 25 Disember 1956, hlm. 11.
 38. Ahmad Boestamam, *Merintis Jalan ke Puncak*, 74–75.
 39. Abdul Majid Salleh, *Memoir Abdul Majid Salleh, dalam PKMM dan KESATUAN Buruh*, 68.
 40. Ahmad Boestamam, *Merintis Jalan ke Puncak*, 67.
 41. *Suloh Malaya*, 11 Mei 1946, 3.
 42. *Ibid.*

43. Ibid.
44. Ishak Haji Muhammad, *Memoir Pak Sako: Putera Gunung Tahan* (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1997), 187 dan 228.
45. Ibid., 228.
46. A. J. Stockwell, "British Policy and Malay Politics During the Malayan Union Experiment 1942–1948," *Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (MBRAS) Monograph No. 8*, (Kuala Lumpur, 1979), 142.
47. *Suara Rakyat*. 25 Jun 1946, 3.
48. Ibid.
49. Pusat Penyelidikan PAS Pusat (PPP), *Pensejarahan Semula Perjuangan Kemerdekaan, Harakah*, 1–15 September 2006, 4.
50. Temu ramah dengan Abdul Majid Salleh di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi pada 23 Ogos 2002, Cikgu Mohd. Yusof Ayob di Kampung Pokok Asam Tambahan, Taiping, Perak pada 24 Disember 2002 dan Ibrahim Singgeh di Kampung Banir, Tapah, Perak pada 31 Disember 2002.
51. Nabir Haji Abdullah, *Maahad Il Ihya AsSyarif, Gunung Semanggol 1934–1959*, 202–210.
52. Muhammad Abu Bakar, *Potret Masa. Persaingan Ideologi dan Pemulihan Tradisi* (Petaling Jaya: Gateway, 1994), 13 dan baca juga Abdul Majid Salleh, *Untukmu Anak Merdeka*, 50.
53. Nabir Haji Abdullah, *Maahad Il Ihya AsSyarif*, 170–171.
54. Ahmad Boestamam, *Merintis Jalan ke Puncak*, 64–65.
55. CO537/2140/136697 *Secret HQ Malaya Command, Formightly Intelligence Review No. 61 Malay Affairs*, hlm. 2.
56. *The Malay Mail*, 28 Ogos 1947, 3.
57. *Times of Malaya and Straits Echo*, 14 Oktober 1947, 3.
58. Ramlah Adam, *Burhanuddin Al-Helmy, Suatu Kemelut Politik* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000), 89.
59. *Times of Malaya and Straits Echo*, 18 Oktober 1947, 1.
60. *The Malay Mail*, 18 Oktober 1947, 5.
61. *The Malay Mail*, 20 Oktober 1947, 1.
62. *Times of Malaya and Straits Echo*, 17 Oktober 1947, 1.
63. *Times of Malaya and Straits Echo*, 21 Oktober 1947, 1.
64. Ibid.

BIBLIOGRAFI

- A. Azmi Khalid. 1997. Ekonomi Melayu kurun ke-19: Sara diri atau komersial. In *Alam pensejarahan: Dari pelbagai aspek*. eds. Badriyah Haji Salleh and Tan Liok Ee, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Halim Mahmud. 2003. Orang Melayu sebelum merdeka: Satu tinjauan. In *Malaysia dari segi sejarah*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Abdul Majid Salleh. 1991. *Untukmu anak merdeka*. Ipoh: Haji Abdul Majid Salleh.
- . 2004. *Memoir Abdul Majid Salleh, dalam PKMM dan KESATUAN Buruh*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Boestamam. 1972. *Merintis jalan ke puncak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- . 1983. *Lambaian dari punchak: Memoir 1941–1945*. Kuala Lumpur: Penerbitan Mahakarya.
- . 2004. *Memoir Ahmad Boestamam, merdeka dengan darah dan api*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Burhanuddin Al-Helmy. 1956. *Teks ucapan dasar, Mesyuarat Agong Tahunan ke-5*, Pejabat PAS Pusat, Kuala Lumpur.
- Conference held under Chairmanship of H. E. the Governor-General, at 10 a.m. on Thursday; 26 June 1947 in the Governor-General's Office: Singapore. (Top Secret) *MSS. Ind. Ocn. s. 254*.
- CO537/1582/136697 *Secret HQ Malaya Command, Weekly Intelligence Review No. 36. Malay Nationalist Party*, p. 4.
- CO537/1582/136697 *Secret HQ Malaya Command, Weekly Intelligence Review No. 39. Appendix "D"*.
- CO537/2140/136697 *Secret HQ Malaya Command, Fortnightly Intelligence Review No. 61 Malay Affairs*.
- Firdaus Haji Abdullah. 1985. *Radical Malay politics: Its origin and early development*. Petaling Jaya: Pelanduk.
- Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN). 1991. *Malaysia kita*. Kuala Lumpur: INTAN.
- Interview with Abdul Majid Salleh at Chandan Desa, Ipoh, 6 August 2002.
- Interview with Abdul Majid Salleh at Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 23 August 2002.
- Interview with Cikgu Mohd. Yusof at Kampung Pokok Asam Tambahan, Taiping, 24 December 2002.
- Interview with Ibrahim Singgeh at Kampung Banir, Tapah, 31 December 2002.
- Ishak Haji Muhammad. 1997. *Memoir Pak Sako: Putera Gunung Tahan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ishak Saat. 2007. *Radikalisme Melayu dari Perak 1945–1970. Kebangkitan rakyat, pemikiran, sumbangan dan pengorbanan*. PhD diss. Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- . 2009. *Malaysia 1945–2000*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.
- Maimunah Ismail. 1999. *Pengembangan implikasi ke atas pembangunan masyarakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, Serial No. 10/1948 bertarikh 31 Mei 1948, *MSS. Ocn. 251*.
- Mohd. Isa Othman. 2002. *Sejarah Malaysia (1800–1963)*, Kuala Lumpur: Utusan Publications dan Distributors.
- Muhammad Abu Bakar. 1994. *Potret masa. Persaingan ideologi dan pemulihan tradisi*. Petaling Jaya: Gateway.
- Nabir Haji Abdullah. 1976. *Maahad Il Ihya AsSyarif Gunung Semanggol 1934–1959*. Bangi: Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Parti Kebangsaan Melayu Malaya. 1946. *Rang Undang-undang 1946* (UMNO/SG No. 96/1946).
- Ramlah Adam. 1994. *Ahmad Boestamam: Satu bibliografi politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- . 2000. *Burhanuddin Al-Helmy: Suatu kemelut politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- . 2004. *Gerakan radikalisme di Malaysia (1938–1965)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Roucek, J. S. and R. L. Warren. 1986. *Sosiologi suatu pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rustam A. Sani. 1975. *The origin of the Malay left – An analysis of the social roots*. Master diss., University of Kent, Canterbury.
- Sharifah Rogayah Syed Idrus. 2003. *Jaminan dan kelestarian makanan di Malaysia*. Unpublished thesis, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Stockwell. A. J. 1979. *British policy and Malay politics during the Malayan Union experiment 1942–1948*. Kuala Lumpur: Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (MBRAS).
- Zulkifli Mahmud. 1979. *Warta Malaya: Penyambung lidah bangsa Melayu 1930–1941*. Bangi: Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

LAMPIRAN

Keratan Akhbar *Voice Of The People* 16 November 1945